

31 MAY 2001

Mahathir-Demokrasi

DEMOKRASI PERLUKAN MASA UNTUK BERJAYA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 31 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau bukan mahu demokrasi ditunda tetapi hanya menekankan bahawa ia perlu dilaksanakan secara berhati-hati bagi mengelak penyalahgunaan hak.

Merujuk kepada kenyataannya sebelum ini bahawa Indonesia menghadapi masalah sekarang kerana demokrasi dilaksanakan secara mendadak di republik itu, Perdana Menteri berkata jika rakyat tidak mengerti konsep demokrasi yang sebenarnya mereka akan menyalahgunakan kebebasan itu sehingga menyebabkan hak pihak lain terjejas.

"Pihak lain mungkin berasa mereka dirugikan kerana pihak yang satu lagi itu menjalankan hak demokrasi mereka," katanya pada sidang berita selepas tamat sidang kemuncak Kumpulan 15 negara-negara membangun (G15) hari ini.

Mengenai demonstrasi yang begitu marak di Indonesia dalam melaksanakan hak demokrasi, Dr Mahathir berkata terpulang kepada pihak masing-masing untuk mentafsirkannya.

"Ada orang melihatnya sebagai manifestasi hak demokrasi mereka, sebaliknya kita perlu pertimbangkan juga hak orang lain untuk menjalankan perniagaan dan tugas harian mereka," katanya.

Bagi mereka, itu adalah hak demokratik mereka dan oleh itu, kerajaan perlu menimbang dengan teliti antara hak mereka yang mahu melaksanakan demokrasi dan hak golongan yang terjejas akibat pelaksanaan itu, katanya.

Ketika ditanya mengenai aliran bebas maklumat dan percanggahan pendapat beliau mengenai globalisasi yang beliau katakan mempunyai kesan negatif, Dr Mahathir berkata tidak ada percanggahan dalam soal itu.

"Saya berpendapat maklumat seperti itu mesti disebarikan juga oleh media," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia tidak menyekat kebebasan akhbar kerana majalah seperti Far Eastern Economic Review, Herald Tribune atau Asian Wall Street Journal diedarkan di Malaysia.

Katanya orang ramai boleh membaca perkara buruk mengenai Malaysia dalam laman web dan ini merupakan satu penyalahgunaan.

-- BERNAMA

OPP NZ MAI